

Lawatan PM dijangka tingkat kerjasama dua hala

APR 2002

Oleh
MohamadAzlanJaafar

FILEM Casablanca, keluaran tahun 1942, dianggap filem terbaik pernah dihasilkan Hollywood. Ia adalah sebuah kisah cinta melodramatik yang lengkap dengan cinta, pengembaraan, nafsu, dan wanita cantik dalam era Peperangan Dunia Kedua. Ia berkisar mengenai dua lelaki yang cuba memenangi hati seorang wanita dalam percintaan tiga segi di bandar oasis di tepi laut Mediterranean ketika pergolakan antara demokrasi dan 'authoritarian'.

Sejak itu bandar Casablanca, Maghribi, sering dipaparkan antara tempat paling romantik di dunia.

Bagaimanapun minggu ini, bandar itu akan menyaksikan jalinan hubungan agak berbeza. Kira-kira 100 pemimpin negara dan ahli perniagaan yang mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Maghribi, bagi menjalin kerjasama ekonomi dan dua hala yang lebih kukuh dengan pemimpin, usahawan dan ahli perniagaan negara itu.

Kunjungan Perdana Menteri dan delegasi Malaysia ke Maghribi adalah sebagai lawatan balasan sejawatannya, Abdrrahmane Youssoufi ke Malaysia, November tahun lalu.

Maghribi adalah negara pertama dalam lawatan rasmi tujuh hari Dr Mahathir, menteri Kabinet dan ahli perniagaan yang diikuti Libya dan Bahrain.

Seorang pegawai yang mengikuti lawatan ini berkata, Maghribi penting dalam usaha Malay-

sia memperkembangkan ekonomi serta mengukuhkan hubungan perdagangan dua hala.

"Malaysia boleh menggunakan negara itu untuk menembusi Eropah dan utara Afrika," katanya.

Delegasi ahli perniagaan "Malaysia yang diketuai oleh Pengerusi Kumpulan Perbankan Arab Malaysian, Tan Sri Aznan Hashim, akan meninjau peluang perniagaan yang mana negara mempunyai kepakaran untuk ditawarkan.

Malaysia mempunyai kelebihan dalam beberapa sektor seperti kewangan, perbankan, perkhidmatan, pembangunan, perindustrian, teknologi maklumat (IT), dan pembangunan prasarana yang dapat diterjemahkan dalam nilai perdagangan lebih bermakna.

Banyak yang diharap dalam lawatan ini kerana ketika ini, berdasarkan nilai perdagangan Malaysia-Maghribi, hanya 0.01 peratus daripada perdagangan antara-bangsa Malaysia, dengan Libya ia lebih rendah iaitu 0.003 peratus dan dengan Bahrain, 0.05 peratus.

Perangkaan itu kecil berbanding rakan dagangan Malaysia lain. Ini bagaimanapun membuka peluang yang luas, terutama dalam bidang yang belum dan berpotensi dikembangkan.

Maghribi dengan kira-kira 30 juta penduduk bukan saja pasaran yang baru kepada produk Malaysia, tetapi boleh dijadikan pintu masuk ke pasaran Eropah.

Malah, kedua-dua negara sudah mempunyai persefahaman agak mantap dalam beberapa bidang dan lawatan ini dilihat pengukuhan persetujuan yang dicapai sebelum ini.

Ketika Youssoufi di Kuala Lumpur, kedua-dua negara bersetuju

Langkah memperkukuhkan sektor perniagaan dan ekonomi di kalangan negara Islam bukan sesuatu yang baru. Malaysia sebagai negara Islam mempunyai kelebihan dalam menjalin kerjasama ekonomi lebih luas bukan saja di Maghribi tetapi di Libya dan Bahrain.

menjaikikan ibu negara masing-masing. Rabat dan Kuala Lumpur, pintu masuk produk ke Eropah dan Asia Tenggara.

Peluang memperluaskan skop perdagangan dilihat cerah berikutan pengiktirafan negara itu terhadap Malaysia yang dianggap 'miracle economy'.

Keclua-dua negara juga sebelum ini bersetuju menubuhkan jawatankuasa bersama bagi meluaskan kerjasama bagi bidang ekonomi, teknikal, saintifik, kebudayaan dan bidang udara.

Pembabitan Malaysia dilihat lebih cenderung kepada penggalakan pelaburan terus dalam sektor petroleum, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pelancongan, kewangan dan pembangunan hartanah.

Dalam bidang ICT, kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Information Technology Maghribi dijangka dimeterai susulan daripada persetujuan yang dicapai di Kuala Lumpur, November lalu.

Kejayaan pelaksanaan aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) mungkin dapat dikembangkan di negara itu yang juga berusaha menerajui bidang ICT di benua Afrika.

Langkah memperkukuhkan sektor perniagaan dan ekonomi

di kalangan negara Islam bukan sesuatu yang baru. Malaysia sebagai negara Islam mempunyai kelebihan dalam menjalin kerjasama ekonomi lebih luas bukan saja di Maghribi tetapi di Libya dan Bahrain.

Ini sekali gus mengurangkan penggantungan kepada negara dagangan tradisi seperti Amerika Syarikat, negara Eropah dan Jepun.

Di Maghribi, selain pertemuan dengan Raja Maghribi, Raja Mohammed VI, Youssoufi dan pemimpin negara itu, Dr Mahathir juga akan menghadiri sesi dialog dengan ahli perniagaan yang dihoskan Kesatuan Usahawan Morocco (CGEM) selain melawat kemudahan pengeluaran automobil SOMOCA di Casablanca.

Sementara itu, lawatan Perdana Menteri ke Libya, atas jemputan pemimpin negara itu, Kolonel Muammar Al Gaddafi, adalah pengiktirafan terhadap pemimpin dan negara ini dalam pelbagai bidang.

Kelantangan Malaysia, terutama Dr Mahathir dalam membidas Barat, terutama Amerika Syarikat yang terus cuba memencilkan negara dengan kira-kira 5.5 juta penduduk itu sentiasa diharagai Libya.

Sejak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menarik

semula sekatan terhadap Libya pada 1999, negara itu mula menjadi tumpuan terutama negara Eropah termasuk sekutu Amerika.

Walaupun Amerika beberapa kali cuba mengenakan tekanan terhadap syarikat yang melabur di Libya, ia tidak menghalang banyak syarikat, termasuk dari Malaysia mencari peluang perniagaan. Salah satu daripadanya bidang petroleum.

Petronas yang diwakili Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Hassan Marican akan meninjau peluang baru.

Ini kerana syarikat itu sudah terbabit dalam kegiatan penerokaan minyak selepas diberi satu konsesi mencari gali minyak di sempadan Libya-Tunisia.

Bahan petroleum adalah sumber utama ekonomi Libya yang mana 95 peratus hasil pendapatan eksport adalah berteraskan sumber itu.

Di Libya, Perdana Menteri selain dijangka bertemu Gaddafi dan mengadakan mesyuarat peringkat delegasi selain dialog dengan ahli perniagaan, juga akan meninjau projek Great Man-Made River di Benghazi.

Projek penyaliran air menerusi penggalian telaga itu adalah terbesar di dunia, bertujuan memenuhi keperluan domestik dan pertanian negara itu.

Ia adalah rangkaian paip bawah tanah terheas yang mana lebih 1,300 perigi digali, kebanyakannya lebih 500 meter dalam, manakala rangkaian paip projek itu adalah kira-kira 3,500 kilometer panjang.

Di Bahrain, Dr Mahathir akan menghadiri majlis pecah tanah Pusat Perdagangan dan Pameran di ibu negara, Manama.

Pusat itu yang kedua seumpama-

nya di Timur Tengah selepas Dubai di Emiriyah Arab bersatu (UAE). Pusat dua tingkat itu yang mempunyai ruang pameran lebih luas daripada pusat di Dubai menjadi saluran bagi pasaran di Qatar; Kuwait; Yaman; Lebanon; Utara Iran dan timur Arab Saudi selain Bahrain.

Satu lagi bidang yang dijangka diperluaskan ialah cari gali minyak yang mana Petronas diberi hak meneroka Blok IV dan VI di timur perairan negara itu. Malah, Perdana Menteri akan merasmikan pejabat Petronas di negara itu.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa serta ahli perniagaan negara itu dijangka mengukuhkan pembabitan negara ini dalam pelbagai bidang.

Ketika perdagangan menjadi agenda utama, isu Palestin dan kezaliman rejim Israel yang membunuh lebih 200 penduduk sejak mengepung Presiden Yasser Arafat kira-kira 10 hari lalu, dijanjikan turut dibangkitkan dalam perbincangan Dr Mahathir dengan pemimpin ketiga-tiga negara Islam itu.

Malaysia dijangka menyatakan pendiriannya serta mengenal pasti usaha yang dapat dilakukan negara Islam dalam menangani konflik itu.

Ketika semua pergolakan yang melanda dari Afrika ke sempadan Afghanistan, lawatan Perdana Menteri hanya sebagai merintis jalan hubungan dua hala dan perdagangan lebih baik. Dan terpujailah kepada ahli delegasi menjadikannya sesuatu yang bermakna, seperti dalam filem Casablanca, "Ini boleh menjadi permulaan kepada hubungan yang lebih indah."